

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Oktober/November 1991.

PLG 410 - Kaedah Mengajar Biologi II

Masa : [jam]

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Setiap soalan mempunyai nilai yang sama iaitu 25%.

1. a) Bincangkan punca-punca yang mungkin akan menyebabkan berlakunya miskonsepsi dalam pelajaran fotosintesis di Tingkatan empat.
b) Bincangkan bagaimanakah mengatasi masalah-masalah itu?
(25 markah)
2. Andainya anda akan mengajar mengenai tajuk "Pemilihan Semulajadi dan Evolusi" kepada pelajar-pelajar di Tingkatan enam. Apakah nilai-nilai sosial dan murni yang boleh dicapai dari pelajaran tersebut. Bincangkan dengan memberi contoh-contoh tertentu.
(25 markah)
3. Bagaimanakah projek-projek ekologi boleh digunakan untuk memperkembangkan pengetahuan sains, kemahiran dan sikap saintifik. Bincangkan soalan ini dengan memberi contoh-contoh khusus.
(25 markah)
4. "Tidak ramai pelajar, terutama pelajar yang 'bijak' meminati pelajaran biologi. Ini kerana pelajaran biologi hanya menekan kepada hafalan fakta-fakta dan istilah-istilah, ia juga tidak mencabar keupayaan intelek yang lebih tinggi. Malah ramai di kalangan pelajar yang menganggap matapelajaran Biologi adalah lebih sesuai untuk pelajar-pelajar perempuan sahaja."
Sebagai guru biologi apakah komen anda mengenai kenyataan di atas.
(25 markah)

...2/-

5. Gallagher dan Tobin (1987) dalam kajian mereka "Teacher Management and Student Engagement in High School Science" mendapati kederasan pengajaran (pace of instruction) berbeza dalam kelas semasa pengajaran teori dan dalam makmal semasa pengajaran amali.

- a) Bincangkan mengapakah berlakunya perbezaan ini?
- b) Apakah implikasinya kepada pendidikan biologi?

(25 markah)

- oooOooo -